

28 MAR 1998

Najib - Pelajar

PENUNTUT DI LUAR NEGARA AKAN DIKEKALKAN, KATA NAJIB

GUAR CEMPEDAK, 28 Mac (Bernama) -- Kerajaan memutuskan untuk tidak memanggil pulang kesemua pelajar tajaannya yang menuntut di luar negara walaupun ketika ini negara menghadapi kegawatan ekonomi.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata keputusan itu dicapai setelah beliau dan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Keputusan itu juga dibuat setelah kerajaan meneliti dan menimbangkan rayuan dari pelbagai pihak, katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan UMNO Bahagian Yan di sini.

"Pengekalan ini perlu untuk mengelakkan timbulnya kesan psikologi dari segi motivasi dan mengganggu prestasi pembelajaran mereka di luar negara," katanya.

Najib berkata keputusan itu diambil setelah mengambil kira pendirian kerajaan yang tidak lagi menghantar penuntut ke luar negara dan langkah ini juga berjaya menjimatkan peruntukan sejumlah RM153 juta.

Beliau berkata bagi lebih kurang 1,000 pelajar yang kini sedang mengambil program A-Level di luar negara, mereka boleh menyambung pengajian di sana dengan syarat mendapat tempat di universiti-universiti terkenal atau pun cemerlang.

"Mereka juga akan turut dinilai prestasi semasa mengikuti program A-Level itu bagi membolehkan terus belajar di luar negara. Jika tidak, mereka akan diarahkan pulang untuk menyambung pengajian di dalam negara," katanya.

Najib berkata untuk pelajar yang ingin menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah, mereka digalakkan untuk mengikuti pengajian di dalam negara.

"Namun, kita akan mempertimbangkan penghantaran mereka ke luar negara jika mendapat tempat di universiti-universiti terkemuka," katanya..

Najib berkata keputusan ini diharapkan dapat memberi kelegaan kepada pelajar-pelajar terbabit dan juga pelbagai pihak terutamanya ibubapa mereka.

Beliau berkata sehingga kini terdapat 12,794 orang pelajar luar negara tajaan kerajaan (Majlis Amanah Rakyat (MARA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Pendidikan) dan agensi-agensi kerajaan.

Katanya tajaan agensi-agensi kerajaan seperti Petronas, Telekom dan Tenaga Nasional Berhad akan berkurangan dalam tempoh tiga atau empat tahun akan datang.

Najib berkata kebanyakan mereka kini sedang mengikuti pengajian di tahun akhir dan ada yang akan memasuki tahun akhir dan pihaknya menjangkakan sehingga tahun 2001 nanti, jumlah yang tinggal hanyalah 400 orang sahaja.

"Kita mengganggarkan dalam masa dua tahun lagi seramai 6500 orang pelajar akan balik ke negara ini setelah tamat belajar di luar negara," katanya.

Beliau berkata pihaknya telah mendapat peruntukan tambahan di antara RM500-RM600 juta untuk mengekalkan kesemua pelajar-pelajar di luar negara sehingga tamat pengajian mereka.

Sementara itu, Najib berkata kerajaan dapat menjimatkan kos sebanyak 20 sehingga 25 peratus jika pelajar ini menyambung pengajian di institusi pendidikan tinggi (IPT) di dalam negara.

Beliau berkata IPT di dalam negara kini setanding dengan di luar negara dan sesuai dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan. -- BERNAMA

MAN WAT